

18 MAR 1998

Mahathir-Ekonomi

KEMELUT EKONOMI ASIA TENGGARA MEMBUKA PELUANG, KATA DR M

DUBAI, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Asia Tenggara akan mengambil kesempatan daripada peluang-peluang baru ekoran penyusutan nilai mata wang dan kemiskinan yang dibawanya.

Beliau berkata, negara-negara di rantau itu akan melakukannya dengan antara lain melindungi ekonomi dalam negeri, mengurangkan pengantungan kepada pertukaran asing dan memperkukuhkan keutuhan dalaman.

"Dalam proses itu, langkah-langkah baru akan diambil dan amalan baru akan dirumuskan," kata beliau semasa menyampaikan ucapan dasar yang bertema "Keluar Dari Krisis: Peluang-peluang" di Forum Antarabangsa Emiriyah di sini, hari ini.

Forum tahunan tiga hari itu yang bermula semalam menyaksikan kehadiran pemimpin-pemimpin utama kerajaan dan ahli korporat bagi bertukar pendapat mengenai isu-isu seperti globalisasi ekonomi, perdagangan dunia, era teknologi maklumat, perbankan dan kewangan, perdagangan dan industri serta pelancongan dan perkhidmatan.

Dr Mahathir berkata, rantau itu tidak akan kembali kepada pertumbuhan ekonomi seperti dahulu yang sebahagian besarnya berasaskan kepada pelaburan asing.

"Walaupun mereka mahukan pelaburan seperti itu tetapi mereka akan lebih bergantung kepada kapasiti sendiri dan kekuatan dalaman," katanya.

Perdana Menteri berkata, Asia Tenggara akan dapat mengatasi krisis kewangan dan ekonominya kerana penduduknya seramai setengah bilion orang "rajin dan sudah biasa dengan semua bentuk kesusahan dan cabaran."

"Walaupun mungkin kita tidak menyatakannya, saya masih percaya nilai-nilai Asia akan membantu kita keluar daripada kemelut sekarang ini. Apatah lagi ia mengambil beberapa kurun untuk mendapat kemerdekaan.

"Kita akan mengatasinya," kata Dr Mahathir.

"Dan dalam proses itu kita akan membuka peluang-peluang kepada diri kita dan yang lain yang belum pernah dilihat sebelum ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, peluang paling penting daripada kemelut kewangan ialah pengurusan kewangan yang lebih baik lagi di negara-negara Asia Tenggara.

Beliau berkata, sejak krisis itu bermula negara-negara di rantau ini telah mendapati banyak sumber di sektor swasta dan awam telah disia-siakan.

"Terlalu banyak orang digajikan untuk membuat sedikit sahaja kerja. Duit dibelanjakan dengan sambil lewa," katanya.

Perdana Menteri berkata, krisis itu menyebabkan negara-negara yang terjejas mengkaji semula kos masing-masing dan juga meneliti dengan rapi semua aspek.

"Perkara-perkara yang tidak diperlukan langsung, akan dihentikan sama sekali," katanya.

Beliau berkata, asas kewangan negara-negara itu akan diperkukuhkan lagi hasil krisis itu.

Dr Mahathir berkata walaupun krisis itu belum selesai lagi, negara-negara Asia Tenggara telahpun memulakan program dan strategi untuk menarik pelaburan asing.

"Memang benar, kebanyakan pelabur adalah dari negara asing memandangkan pelabur tempatan tidak mempunyai wang, tetapi mereka masih menunggu harga saham jatuh ke paras terendah."

"Tetapi terdapat petanda yang pasaran saham kini sedang pulih,"

katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menyentuh mengenai "perniagaan-perniagaan yang lebih menguntungkan kini seperti sektor perladangan dan perkilangan disebabkan oleh krisis itu".

Dalam sektor perkilangan, Dr Mahathir berkata terdapat tanda-tanda yang para pelabur telahpun mengambil kesempatan daripada kos pelaburan dan pengeluaran yang paling rendah kini dan begitu juga kos bagi mendirikan kemudahan.

Mengenai pendidikan, beliau berkata negara-negara Asia Tenggara yang kini kekurangan sumber kewangan bukan sahaja akan menjimatkan wang dengan membawa pulang penuntut mereka tetapi juga akan menyebabkan pembukaan pusat-pusat kecemerlangan baru di Asia Tenggara yang dapat menampung penuntut-penuntut asing.

Di samping menjelaskan kepada para hadirin mengenai perdagangan di kalangan negara-negara Asean yang menggalakkan penggunaan mata wang negara-negara itu, Perdana Menteri juga bercakap mengenai kesan kemiskinan di seluruh rantau.

Beliau berkata, apabila sesebuah negara menjadi miskin ia tidak membawa kesan kepada perdagangan dunia, "tetapi apabila seluruh rantau, rantau kaya menjadi miskin kesan kepada perdagangan dan ekonomi dunia serta rakan-rakan perdagangan mungkin besar.

Dr Mahathir berkata, kerugian yang dialami oleh negara-negara Asia Tenggara serta China dan Jepun agak besar.

Dr Mahathir berkata, menyerah diri kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bukan bermakna krisis serantau dapat diatasi seperti apa yang berlaku kepada beberapa negara di bawah penyeliaan IMF sekarang ini. -- BERNAMA

ES PR